

**KAJIAN TERHADAP TEKNIK DAN MOTIF SULAMAN
KELINGKAN DI MALAYSIA**

NOR ALIA FARAHIN BINTI ROSLAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian Terhadap Teknik Dan Motif Sulaman Kelingkan Di Malaysia

Oleh

Nor Alia Farahin Binti Roslan

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh_____ hingga_____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



NOR ALIA FARAHER BINTI ROSLAN

Tarikh: 15/2/2023

Tandatangan Penyelia



TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA

Tarikh: 15/2/2023

2023

ABSTRAK

Kerja seni halus merupakan warisan tradisi masyarakat terdahulu yang sangat sinonim dengan masyarakat Melayu. Terdapat pelbagai jenis sulaman seperti sulaman kerawang, sulaman tekat, sulaman manik, sulaman reben dan sulaman kelingkan. Oleh itu, sulaman kelingkan adalah salah satu sulaman yang terkenal di kalangan wanita di semenanjung Malaysia dan di Borneo juga. Sulaman kelingkan adalah sulaman yang menggunakan benang logam bersadur emas, perak dan tembaga. Oleh itu, ia digunakan pada pakaian dan juga hiasan di biik tidur. Sulaman kelingkan juga mempunyai maksud dan simbolik dan kepada taraf dan darjat pada zaman dahulu. Seterusnya, Objektif kajian ini adalah mengenalpasti teknik dan motif yang digunakan dalam seni sulaman kelingkan pada tekstil. Selain itu, menganalisis motif dan teknik bagi semenanjung Malaysia, Sarawak dan kepulauan Indonesia serta mencadangkan cara penjagaan tekstil seni sulaman kelingkan menurut standard konservasi. Seterusnya, permasalahan yang diperolehi berdasarkan kajian-kajian lepas adalah identiti sulaman kelingkan masyarakat Melayu yang harus diketengahkan dari segi motif dan teknik supaya masyarakat dapat mengenali serta membezakan identiti kelingkan pada tekstil Melayu di Malaysia dan pada negara lain yang turut mempunyai jenis sulaman yang sama. Selain itu, permasalahan yang didapati adalah kekurangan pendedahan mengenai kaedah penjagaan kelingkan yang sepatutnya. Kaedah metodologi yang digunakan ialah kaedah pemerhatian, soal selidik dan temu bual. Hal ini supaya kajian dapat dilakukan dengan lebih mudah. Kesimpulannya, kelingkan adalah salah satu sulaman yang bernilai tinggi kerana mempunyai motif yang unik dan teknik yang rumit sewaktu pembuatannya. Oleh itu, kelingkan haruslah mempunyai penjagaan yang rapi bagi menjaga kelingkan daripada terus rosak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

Fine art is a traditional heritage of previous societies that is very synonymous with Malay society. There are various types of embroidery such as *Kerawang* embroidery, *Tekat* embroidery, bead embroidery, ribbon embroidery and *Kelingkan* embroidery. Therefore, *kelingkan* embroidery is one of the famous embroideries among women in peninsular Malaysia and in Borneo as well. *Kelingkan* embroidery is embroidery that uses gold, silver, and copper plated metal thread. Therefore, it is used on clothes and decorations on the bed. *Kelingkan* embroidery also has meaning and symbolism to the status in the past. Next, the objective of this study is to identify the techniques and motifs used in the art of *kelingkan* embroidery on textiles. In addition, analyze the motifs and techniques for peninsular Malaysia, Sarawak and the Indonesian archipelago as well as suggesting how to care for *kelingkan* embroidery art textiles according to conservation standards. Next, the problem obtained based on previous studies is the identity of the Malay community's *kelingkan* embroidery which should be highlighted in terms of motifs and techniques so that the community can recognize and distinguish the identity of *kelingkan* on Malay textiles in Malaysia and in other countries that also have the same type of embroidery. In addition, the problem found is the lack of disclosure about proper circumcison care methods. The methodology used is observation, questionnaires, and interviews. This is so that research can be done more easily. In conclusion, *kelingkan* is one of the most valuable embroideries because it has a unique motif and a complicated technique during its manufacture. Therefore, *kelingkan* should have careful care to keep *kelingkan* from being damaged.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana limpah kurniaNya juga saya dapat menyiapkan tesis yang bertajuk Kajian Terhadap Teknik Dan Motif Sulaman Kelingkan di Malaysia. Seterusnya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya iaitu Ts. Dr Muktaruddin Bin Musa yang telah banyak membimbing bagi menyiapkan kajian ini daripada mula sehinggalah akhir serta membantu bagi memudahkan pelaksanaan kajian.

Selain itu, penghargaan turut ditujukan kepada kedua ibu bapa saya yang banyak membantu dalam memberi motivasi dan sokongan dalam menyiapkan kajian ini. Oleh itu, kajian ini dapat disiapkan dengan baik dengan doa dan galakan daripada mereka.

Ucapan terima kasih turut disampaikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sewaktu kajian ini sedang dilaksanakan. Pelbagai saranan dan nasihat yang diberikan agar kajian ini dapat disiapkan agar kajian ini dapat disiapkan bersama- sama. Selain itu, ucapan penghargaan turut diberikan kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Akhir sekali, saya berharap kajian ini dapat memberi manfaat kepada pengkaji dan pelajar lain bagi mengenali sulaman kelingkan dengan lebih mendalam.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

Abstrak	i
Abstract	ii
Penhargaan	iii
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	
Isi Kandungan	iv
Senarai Rajah	v
Senarai Jadual	v
Senarai Singkatan	v
BAB SATU	1
PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Tujuan Dan Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Struktur Laporan	7
BAB DUA	9
KAJIAN LITERATUR	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Sulaman Seni Kelingkan	9
2.3 Status Sulaman Kelingkan	10
2.4 Teknik Sulaman Kelingkan	11
2.5 Motif Kelingkan	12
2.6 Kaedah penjagaan	16
2.7 Kesimpulan	16
BAB TIGA	17
METODOLOGI KAJIAN	17
3.1 Pengenalan	17
3.2 Data Primer	17
3.3 Data Sekunder	18
3.4 Kesimpulan	20
BAB EMPAT	20
KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	20
BAB LIMA	48
KESIMPULAN DAN CADANGAN	48

SENARAI GAMBAR

<u>No Rajah.</u>	<u>No Mukasurat.</u>
Rajah 1.1: Sulaman Kelingkan Pada Pakaian	3
Rajah 1.2: Sulaman Kelingkan Bermotifkan Bunga Kekwa dan Melur	4
Rajah 2.1: Motif dan istilah kelingkan	12
Rajah 2.2: Motif bintang bertabur	13
Rajah 2.3: Motif bunga melur	13
Rajah 2.4: Kemasan hujung selendang yang bermotifkan pucukRebung	14
Rajah 2.5 :Lambang kebesaran Negeri Sembilan	15
Rajah 2.6: Motif 'Changai Putri' pada Kelingkan	15
Rajah 4.1: Motif awan larat	22
Rajah 4.2: Motif awan larat pada ukiran kayu	22
Rajah 4.3: Motif awan larat pd bordir selayah kelingkan.	23
Rajah 4.4: Motif bunga teratai pada ukiran kayu.	23
Rajah 4.5: Motif bunga teratai pada selendang (selayah).	23
Rajah 4.6 :Motif asam tampuk	24
Rajah 4.7 : Motif bunga anggerik	24
Rajah 4.8: Motif Petola Mahkota	25
Rajah 4.9: Motif susun tunggal	25
Rajah 4.10: Motif kuntum bertaut	25
Rajah 4.11: Motif sehayat jingga	25
Rajah 4.12: Motif mutiara pipit	26
Rajah 4.13: Motif bunga letup	26
Rajah 4.14: Bunga Tanjung	27
Rajah 4.15: bunga tanjung pada kelingkan	27
Rajah 4.16: Motif flora pad pakaian	29
Rajah 4.17 Motif flora pada selendang	29
Rajah 4.18: Motif flora pada tampok bantal	30
Rajah 4.19: Motif pada renda joneh kulit kerang	31
Rajah 4.20: Motif pucuk rebung	32
Rajah 4.21: Motif Gunung Beranak.	33
Rajah 4.22: Lambang kebesaran Negeri Sembilan	34
Rajah 4.23: Motif 'Changai Puteri' pada keligkan	34
Rajah 4.24: Kipas pengantin yang menggunakan teknik tekatan	35
Rajah 4.25: Tampok bantal yang menggunkan teknik tekatan	36
Rajah 4.26: Fabrik sutera yang menggunakan teknik tikam tembus	36
Rajah 4.27: Fabrik sutera menggunakan tektik tikam tembus	37

<u>No Rajah.</u>	<u>No Mukasurat.</u>
Rajah 4.28: Fabrik jaring (netting).	37
Rajah 4.29: Motif ganda lapan	38
Rajah 4.30: Fabrik yang menggunakan teknik (TTUS).	39
Rajah 4.31: Taburan sulaman kelingkan.	40
Rajah 4.32: Penggunaan motif flora pada fabrik.	41
Rajah 4.33: Teknik tekatan pada tampok bantal.	42
Rajah 4.34: Teknik tekatan pad kipas pengantin.	42
Rajah 4.35 : Kerosakan yang berlaku pada pakaian.	44
Rajah 4.36: Kerosakan yang berlaku pada pakaian.	44
Rajah 4.37: Fabrik terkoyak.	45
Rajah 4.38: Kaedah penyimpanan kelingkan	47
Rajah 4.39: <i>Acid Free Paper</i> yang digunakan.	47

SENARAI JADUAL

<u>No Jadual.</u>	<u>No Mukasurat.</u>
Jadual 1: Istilah yang digunakan di Malaysia dan Indonesia	2
Jadual 2: Ringkasan objektif kajian, persoalan kajian dan kaedah Kajian	4
Jadual 3: Carta alir metodologi kajian	13
Carta 1: Bilangan masyarakat mengenai sulaman kelingkan	20

SENARAI RINGKASAN

KTSU	Kira, tebuk, sulam dan ulang
TTUS	Tikam, tarik, ulang dan selit
KUSS	Kira, ulang, sulam dan semat
UMK	Universiti Malaysia Kelantan

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Terdapat beberapa perkara yang dibicarakan di dalam bab ini seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian dan skop kajian. Oleh itu, bab ini merupakan ringkasan daripada kajian yang bertajuk Kajian Terhadap Teknik Dan Motif Sulaman Kelingkan Di Malaysia.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat Melayu sangat sinonim dengan seni halus yang merupakan warisan tradisi masyarakat terdahulu. Oleh itu terdapat pelbagai jenis sulaman yang mempunyai nilai warisan seperti Tekat, Kerawang, reben, manik dan kelingkan. Sulaman kelingkan ialah sulaman yang menggunakan benang logam pipih bersadur emas, perak dan tembaga yang dikatakan oleh Siti Zainon (2010), Dayang Sandarawati et.al (2010), Norseha dan Suhana Sarkawi (2014). Kelingkan juga disulam pada kain jenis kain kasa, Net, Sifon atau *Georget* bagi selendang manakala kelingkan disulam pada kain jenis Satin, *Crepe* dan *Jacquard* bagi pakaian dan perhiasan. Seterusnya, sulaman ini telah digunakan sejak dahulu lagi dan telah digunakan secara meluas pada zaman dahulu. Menurut Richard Windstedt (1981) pengaruh utama dalam mencorak seni sulaman melayu melalui kepelbagai tekstil yang dibawa masuk oleh pedagang-pedagang dari Arab, India dan China. Maxwell (1994) bahawa kemasukan bahan seperti benang pita logam emas dan perak dari India dan China. Selain itu, menurut Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab,Rahman (2016) bahawa kewujudan dan penyebaran seni sulaman kain selendang atau selayah (selendang) berbenang

logam emas dan perak yang sangat unik ini didapati berlaku secara meluas di kepulauan tanah Melayu. Kelingkan amat dikenali di kalangan wanita melayu Johor-Riau, Selangor, Perak, Kedah, Terengganu dan Kelantan. Sulaman ini turut terkenal di kalangan wanita Brunei, Sarawak, Pontianak, dan Sambas.

Selain itu, istilah kelingkan adalah berbeza bagi setiap negeri dan setiap negeri membawa identiti tersendiri. Jadual 1 menunjukkan istilah yang digunakan mengikut tempat di beberapa buah negeri di Malaysia dan Indonesia:

Jadual 1: Menunjukkan istilah yang digunakan mengikut beberapa buah negeri di Malaysia dan Indonesia (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab. Rahman, 2016).

Bil	Istilah yang digunakan	Negeri
1.	Terekat terekam	Terengganu
2.	Keringkam	Sarawak
3.	Kalengkan	Selangor
4.	Kelingkam/ kelengkang	Kelantan
5.	Kelingkan	Negeri Sembilan
6.	misfa'/ Mudawarah	Palembang
7.	Kalengkang/ Genggeng	Kota Ketapang
8.	Manto	Kepulauan Riau

Seterusnya, sulaman kelingkan pada pakaian mempunyai maksud dan simbolik kepada taraf dan darjat pada zaman dahulu. Menurut Johnstone (1985) perbezaan antara nilainya adalah kepadatan berat atau ringan sulaman pita emas atau perak pada selayah atau selendang tersebut. Oleh itu, semakin penuh atau halus benang pita emas atau perak pada tudung atau selendang, maka semakin tinggi kemampuan si pemakai dan keluarganya. Seterusnya, motif pada kelingkan juga dipengaruhi oleh pengaruh luar seperti Mughul, Timur Tengah, Turki dan India.

Menurut Maxwell (1994) bahawa penyebaran ajaran islam dan pengaruh budaya sulaman benang emas oleh para pendagang Timur Tengah, Mughul, Turki dan India ke alam melayu khususnya, Aceh, Johor dan Brunei merancakkan lagi keindahan seni pada corak dan sebaran sulaman busana melayu.



Rajah 1.1: Gambar sulaman kelingkan pada pakaian

(sumber: Muzium Tekstil, Kuala Lumpur)



Rajah 1.2: Sulaman kelingkan bermotifkan bunga kekwa dan bunga melur(Sumber: Koleksi Dato' Sri Shah Zurin Bin Raja Aman Shah, Galeri UMK)

1.2 PENYATAAN MASALAH

Sulaman kelingkan sudah semakin dilupakan pada masa kini terutamanya oleh generasi muda kini. Selain itu, kurangnya pendedahan dan maklumat mengenai sulaman ini menyebabkan sulaman ini semakin dilupakan dan tidak dikenali oleh masyarakat. Justeru itu, identiti sulaman kelingkan masyarakat melayu yang harus diketengahkan dari segi motif dan teknik supaya masyarakat dapat mengenali serta membezakan identiti kelingkan pada tekstil melayu di Malaysia dan pada negara lain yang turut mempunyai jenis sulaman yang sama. Seterusnya, kekurangan pendedahan mengenai kaedah penjagaan kelingkan yang betul akan menyebabkan kerosakan pada material kelingkan serta fabrik yang digunakan. Oleh itu, kaedah ini harus diketengahkan pada masyarakat bagi menjaga nilai seni yang terdapat pada kelingkan dan pakaian.

1.3 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti motif dan teknik kelingkan yang digunakan pada tekstil melayu di Malaysia agar dapat membezakan sulaman kelingkan yang digunakan pada negara lain. Selain itu, kajian ini turut membincangkan mengenai kaedah penjagaan kelingkan pada tekstil melayu mengikut standard konservasi.

Objektif kajian ini adalah:

- i. Menenalpasti teknik dan motif yang digunakan dalam seni sulaman kelingkan pada tekstil melayu di Malaysia.
- ii. Menganalisa jenis motif dan teknik bagi semenanjung Malaysia, Sarawak dan Kepulauan Indonesia.
- iii. Mencadangkan kaedah penyimpanan dan penjagaan tekstil seni sulaman kelingkan menurut standard konservasi.

Jadual 2: Ringkasan Objektif Kajian, Persoalan Kajian dan Kaedah Kajian.

Objektif kajian	Persoalan kajian	Kaedah kajian
Mengenalpasti teknik dan motif yang digunakan dalam seni sulaman kelingkan pada tekstil melayu di Malaysia 1. Motif 2. Teknik	Apakah motif dan teknik yang digunakan pada sulaman kelingkan?	1. Tinjauan literatur 2. Pemerhatian 3. Temu bual 4. Kajian lapangan 5. Mengambil gambar
Mencadangkan cara penjagaan tekstil seni sulaman kelingkan menurut standard konservasi.	Bagaimanakah kaedah dan cara penjagaan kelingkan?	1. Tinjauan literatur 2. Pemerhatian 3. Kajian lapangan 4. Mengambil gambar

1.4 PERSOLAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan dan objektif kajian, beberapa soalan telah dikemukakan.

Antaranya adalah:

- i. Apakah motif dan teknik yang digunakan pada sulaman kelingkan?
- ii. Apakah motif dan teknik yang digunakan bagi beberapa buah negeri?
- iii. Bagaimanakah kaedah dan cara penjagaan kelingkan?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini adalah tertumpu kepada sulaman jenis kelingkan sahaja di beberapa buah negeri berdasarkan sumber yang diperolehi. Hal ini kerana sulaman ini kurang diberi pendedahan kepada masyarakat kini. Oleh itu, kajian dilakukan terhadap sulaman ini agar masyarakat lebih mengenali kelingkan yang terdapat pada tekstil melayu di Malaysia. Seterusnya, kajian ini juga tertumpu hanya pada motif dan teknik pada sulaman kelingkan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dapat mengenali serta membezakan kelingkan yang terdapat pada beberapa tempat yang lain. Selain itu, pengkaji turut mengkaji mengenai kaedah penjagaan kelingkan mengikut standard konservasi.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Sulaman kelingkan adalah sulaman yang kurang diketahui dan dikenali di kalangan masyarakat. Justeru itu, masyarakat turut tidak dapat mengenali identiti sulaman kelingkan yang terdapat pada tekstil melayu di Malaysia. Selain itu, masyarakat juga kurang diberi pendedahan mengenai penjagaan kelingkan. Justeru itu, terdapat beberapa kepentingan yang diperolehi melalui hasil kajian yang dilakukan. Antaranya, adalah dapat mengetahui maklumat dengan lebih mendalam mengenai motif dan teknik yang digunakan. Seterusnya, kepentingan yang diperolehi adalah mengetahui kaedah dan cara penjagaan kelingkan yang sesuai mengikut standard konservasi.

Kepentingan kajian terhadap

i. Masyarakat

Kepentingan kajian ini terhadap masyarakat adalah untuk memperkenalkan dan memberi pengetahuan kepada masyarakat supaya sulaman kelingkan ini terus digunakan sehingga kini. Hal ini kerana sulaman kelingkan adalah salah satu sulaman yang mempunyai nilai estetika dan bernilai tinggi serta merupakan warisan masyarakat melayu.

ii. Institusi pendidikan

Kepentingan kajian ini terhadap institusi pendidikan adalah dapat memberi pendedahan kepada pelajar dan para pengkaji mengenai sulaman kelingkan yang mempunyai nilai warisan melayu. Oleh itu, kajian ini dapat membuka mata semua pihak untuk mengetengahkan sulaman ini dan memberi pendedahan kepada generasi ini untuk memupuk minat mempelajari sulaman ini agar sulaman ini terus diingati dan tidak pupus ditelan zaman.

1.7 STRUKTUR LAPORAN

Dalam **bab satu** ini pengkaji menerangkan mengenai definisi kajian secara keseluruhan. Pengkaji turut menyatakan objektif kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, dan latar belakang kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mempunyai 3 objektif kajian iaitu mengenalpasti teknik dan motif yang digunakan dalam seni sulman kelingkan pada teksstil melayu di Malaysia. Selain itu, pengkaji turut menganalisa jenis motif dan teknik yang digunakan bagi setiap negeri serta mencadangkan kaedah penyimpanan tekstil seni sulaman kelingkan mengikut standard konservasi.

Seterusnya, di dalam **bab dua** ini pengkaji akan menyatakan kajian terdahulu dan kajian yang berkaitan yang telah dijalankan oleh penyelidik lain mengenai kajian terhadap teknik dan motif sulaman kelingkan di Malaysia.

Di dalam **bab tiga** pula, pengkaji hanya akan menerangkan mengenai metodologi kajian yang digunakan bagi mendapatkan data mengenai kajian. Kaeadha yang digunakan oleh pengkaji ialah kualitatif iaitu pengumpulan data yang dilakukan melalui kaeadah temubual, kajian lepas, pemerhatian dan soal selidik.

Bagi **bab empat** membincangkan mengenai dapatan kajian dan analisis kajian. Seterusnya, bagi **bab lima** pula membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang kajian literatur berkenaan kajian terhadap sulaman kelingkan. Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai definisi Kelingkan, istilah Kelingkan, simbolik Kelingkan, jenis teknik yang digunakan, jenis motif yang digunakan dan kaedah penjagaan.

2.2 SULAMAN SENI KELINGKAN

Sulaman Kelingkan ialah sulaman yang menggunakan benang logam pipih bersadur emas, perak dan tembaga. Menurut Siti Zainol Ismail (2010), Dayang Sandrawati et.al (2016), Awang Azman (2010), Norseha (2014) dan Suhana Sarkawi (2014) menyatakan bahawa Keringkam merupakan seni sulaman yang menggunakan benang emas dan perak yang disulam diatas permukaan kain. Selain itu, Sulaman Kelingkan ini merupakan salah satu sulaman tradisional Melayu seperti Limar, Telepuk, Tekat dan Songket di Malaysia (Rose Darlina Rusli & Norwani Md. Nawawi, 2016). Seterusnya, kewujudan dan penyebaran seni sulaman kain selendang atau selayah berbenang emas dan perak yang sangat unik didapati berlaku secara meluas di kepulauan Melayu (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab.Rahman (2016). Menurut Nirmala Sharipuddin (2020) tekstil luar negara yang mewah termasuk kain berhias dengan benang emas dibawa ke pasaran tempatan di Melaka dan sangat digemari oleh golongan melayu. Seterusnya, kedatangan fabrik mewah ini membawa kepada perkembangan sulaman benang logam di semenanjung Malaysia apabila fabrik mula dikuasai oleh tukang tempatan dengan benang emas dan perak (Azah Aziz, 2009).

Sulaman kelingkan mempunyai istilah yang berlainan mengikut negeri. Menurut Suhana Sarkawi dan Norhayati Ab. Rahman (2016) menyatakan bahawa tudung Keringkam merupakan istilah yang digunakan bagi sulaman di bahagian Kuching, Sarawak, manakala istilah tudung Kelingkam, atau Kelubung Kalengkan merujuk kepada tudung Kelingkan di bahagian negeri Kelantan. Seterusnya, di negeri

Selangor menggunakan istilah yang digunakan adalah tudung Kelingkan manakala istilah Terekat Terekam adalah istilah yang digunakan bagi negeri Terengganu (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab. Rahman, 2016). Sulaman Kelingkan juga terdapat di Indonesia dan mempunyai istilahnya yang tersendiri. Menurut Suhana Sarkawi & Norhayati Ab. Rahman (2016) bahawa istilah tudung Manto adalah istilah yang digunakan di Daik (Indonesia), tudung Kalengkan di Kalimantan Barat dan Mudawarah pula merujuk kepada istilah yang digunakan di bahagian Palembang (Indonesia).

2.3 STATUS SULAMAN KELINGKAN


Sulaman kelingkan yang digunakan pada pakaian mempunyai maksud kepada darjat dan taraf seseorang pada suatu ketika dahulu. Menurut Johnstone (1985) perbezaan nilainya bergantung kepada kepadatan atau berat dan ringan sulaman kelingkan pada selayah atau selendang yang digunakan. Selain itu, semakin penuh atau halus pita logam emas dan perak pada tudung atau selendang, semakin tinggi kemampuan si pemakai dan status keluarganya (Johnstone, 1985). Seterusnya, sulaman kelingkan ini turut mempunyai pengaruh luar. Menurut Maxwell, (1994) penyebaran ajaran islam dan pengaruh budaya sulaman benang emas oleh para pedagang Timur Tengah, Mughul, Turki, India ke alam Melayu khususnya Aceh, Johor,

Brunei merencanakan lagi keindahan seni pada corak dan sebaran sulaman busana Melayu.

2.4 TEKNIK SULAMAN KELINGKAN

Setiap sulaman yang digunakan menggunakan teknik yang berbeza. Menurut Nirmala Sharipuddin (2018) bahawa sulaman kelingkan mempunyai tiga jenis teknik yang digunakan iaitu teknik jahitan satin, teknik jahitan reben Selangor dan Sarawak. Selain itu, terdapat tiga jenis teknik sulaman kelingkan di Tunisia dan Turki iaitu *Tel Musabak*, *Tel Kirma* dan *Tel Sarma*. Ketiga-ketiga jenis sulaman ini digunakan di alam Melayu dengan teknik yang berbeza (Suhana Sarkawi, 2018). Oleh itu, terdapatnya teknik yang digunakan seperti teknik Kira, Tebuk, Sulam dan Ulang (KTSU) untuk yang berjenis *Tel Musabak* dan teknik Tikam, Tarik, Ulang dan Selit (TTUS) adalah jenis *Tel Sarma* yang disulam di atas lakaran yang dilukis pada kain selendang (Suhana Sakawi, 2018). Seterusnya, terdapat juga teknik kira, Ulang, Sulam, Semat iaitu yang berjenis *Tel Kirma* yang digunakan pada kain jenis jaring (Suhana Sarkawi, 2018).

2.6 MOTIF KELINGKAN



Rajah 2.1: Motif dan istilah kelingkan mengikut sesetengah tempat.


(Koleksi Dato Sri Shah Zurin Bin Raja Aman Shah, Galeri UMK & Jurnal Jejak Sulaman Kelingkan Di Malaysia Dan Indonesia)

Penggunaan nama yang merujuk kepada tudung Kelingkan ini juga mempunyai variasi tersendiri (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab.Rahman, 2016). Terdapat pebagai jenis motif yang digunakan pada Kelingkan di pabrik. Menurut Suhana Sarkawi (2016) bahawa bentuk renda yang menyerupai kuntum bunga dari alam flora yang wujud di sekeliling pakar penyulam yang telah diolah semula secara kreatif. Dalam selendang ini juga ditemui banyak bahan daripada spesies flora di alam Melayu yang dipateri pada sulaman ini (Suhana Sarkawi, 2016).

Setiap motif yang digunakan mempunyai makna dan maksud yang tersirat yang ingin disampaikan oleh penyulam. Bagi motif bintang bertabur melambangkan sudut pelengkap kepada ruang kosong bagi menunjukkan sisi keseimbangan dan keharmonian ciptaan tuhan (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab.Rahman, 2016). Seterusnya, motif bunga melur pula membawa maksud keharuman kepada si pemakainya (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab. Rahman).



Rajah 2.2: Motif bintang bertabur pada Kelingkan. (Sumber: Muzium Tekstil, Kuala Lumpur)



Rajah 2.3: Motif bunga melur
(Sumber: Koleksi Dato Sri Shah Zurin Bin Raja Aman Shah, Galeri UMK)

Terdapat juga kemas di bahagian hujung tudung yang dinamakan sebagai 'Oyah' (Daik, Indonesia) atau Renda Joneh Sisik Ikan (Sarawak, Malaysia) atau Remis (Palembang, Indonesia) (Suhana Sarkawi, 2016). Seterusnya, motif Pucuk Rebung yang berada pada bordir tudung membawa maksud semakin hebat seseorang wanita itu, semakin beliau harus menginsafi kekuasaan Allah dan betapa kecil dirinya di mata tuhanNya..




Rajah 2.4: Kemas hujung selendang yang bermotifkan pucuk rebung.

(Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan)

MALAYSIA

KELANTAN

Terdapat juga motif yang digunakan bagi melambangkan negeri masing-masing seperti sulaman kelingkan di Negeri Sembilan. Terdapat penggunaan motif berbentuk pedang dan sarungnya berbentuk 'Changai Putri' yang merupakan lambang kebesaran Negeri Sembilan (Suhana Sarkawi & Norhayati Abd. Rahman, 2016).



Rajah 2.5: lambang kebesaran Negeri Sembilan.
(website rasmi Negeri Sembilan.)



Rajah 2.6: motif 'Changai Putri' pada Kelingkan
(Norhayati Ab. Rahman & Suhana Sarkawi, 2016)

2.7 KAEDAH PENJAGAAN

Sulaman Kelingkan haruslah dikekalkan bagi tatapan generasi akan datang. Oleh itu, penjagaan dan pemeliharaan terhadap sulaman ini haruslah dillakukan. Menurut Nirmala Sharipuddin (2020) pemeliharaan mengenai sulaman Kelingkan amat penting terutama mengenai alat, teknik dan motif sulaman seni ini. Seterusnya, kaedah menggunakan kertas minyak adalah salah satu kaedah penyimpanan selayah Kelingkan. Selain itu, menurut Madam Salbiah (2012) menyatakan bahawa selain penggunaan kertas minyak sebagai kaedah Penjagaan terdapat juga kaedah menggunakan tembakau di bahagian sudut selayah sebagai salah satu kaedah menghalau serangga bagi merosakkan fabrik tersebut.

2.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini membantu pengkaji bagi memperoleh maklumat dengan lebih mendalam mengenai kajian. Oleh itu, Kajian lepas dijadikan salah satu rujukan kepada pengkaji bagi menyelesaikan permasalahan kajian.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan kaedah dalam kajian yang digunakan. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah yang akan merangkumi pengumpulan data melalui pemerhatian dan temubual. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan soal selidik ketika mengumpul data melalui pemerhatian dan kajian lapangan.

3.2 DATA PRIMER.

3.2.1 Temubual

Kaedah ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat secara terus berkenaan kajian. Oleh itu, pengkaji telah melakukan temubual bersama penyulam berkemahiran bagi negeri Kelantan iaitu Puan Nik Marhamah Nik Megat. Temubual dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai motif yang digunakan, teknik yang digunakan dan kaedah penjagaan Kelingkan.

3.2.2 Pemerhatian

Bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah secara pemerhatian. Oleh itu, pengkaji telah, mengunjungi Muzium tekstil, Kula Lumpur dan Karnival Kraf Kebangsaan di Kuala Lumpur bagi mendapatkan maklumat serta melihat kepelbagaian jenis motif bagi sulaman kelingkan. Justeru, kaedah ini banyak membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan menyelesaikan permasalahan kajian.


3.2.3 Soal Selidik

Pengkaji juga menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan maklumat dengan responden seramai 41 orang. Oleh itu, keputusan dari soal selidik akan dapat membantu pengkaji dalam mengetahui pendapat dan penilaian daripada orang ramai.

3.3 DATA SEKUNDER.

3.3.1 Sumber internet

Pengumpulan maklumat juga diperolehi daripada sumber internet iaitu jurnal, dan laman sesawang. Oleh itu, pengkaji dapat memperoleh maklumat daripada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan.



Jadual 2: Carta alir metodologi kajian

4.0 KESIMPULAN

Bagi bab ini pengkaji menerangkan mengenai kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan maklumat kajian. Oleh itu, setiap maklumat diperolehi secara kaedah kualitatif.




BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan berkenaan dapatan kajian dan analisis kajian berkaitan dengan sulaman kajian. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan menhuraikan dengan lebih mendalam berkenaan dengan jenis motif dan teknik sulaman Kelingkan, teknik dan motif bagi semenanjung Malaysia, Sarawak dan Kepulauan Indonesia dan kaedah penjagaan melalui data yang diperolehi. Data diperolehi daripada kaedah temubual dan soal selidik. Kaedah temu bual dilakukan kepada Nik Marhamah Nik megat iaitu salah seorang penyulam kelingkan di negeri Kelantan. Seterusnya, temubual turut dilakukan kepada Puan Rosmawati Binti Othman yang merupakan isteri kepada Almarhum Nik Rashidin Hj. Nik Hussein yang merupakan pengukir seni ukiran kayu tersohor di pantai timur. Seterusnya, soal selidik turut dilakukan kepada 41 orang responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan berkenaan dengan sulaman kelingkan. Soal selidik turut dilakukan bagi memperoleh data berkenaan dengan pengetahuan masyarakat terhadap kelingkan.

Pengetahuan Masyarakat Mengenai Sulaman Kelingkan



(carta 1: Bilangan masyarakat mengenai sulaman kelingkan)

Berdasarkan soal selidik yang dilakukan terhadap 41 orang responden dari setiap peringkat umur dan berlainan latar belakang mendapati bahawa sebanyak 68.2% tidak mengetahui berkenaan dengan sulaman kelingkan. Seterusnya, hanya sebanyak 31.7%) yang mengetahui mengenai sulaman kelingkan. Justeru itu, kajian dilakukan bagi mengetahui dengan lebih mendalam agar dapat memberi pendedahan kepada masyarakat berkenaan dengan sulaman kelingkan.

4.2 JENIS MOTIF

Motif-motif bagi sulaman kelingkan boleh dibahagikan kepada 5 pola utama iaitu:-

- a) Motif ukiran kayu.
- b) Motif flora
- c) Motif fauna
- d) Motif kemasan sisi (bordir) (geometrik)
- e) Motif lambang negeri

4.2.1 Motif Ukiran kayu.

Terdapat beberapa motif seni ukiran kayu yang digunakan pada sulaman Kelingkan. Oleh itu, motif yang terdapat pada sulaman dengan seni ukiran kayu mempunyai banyak persamaan. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang seni ukiran kayu dan sulaman berkembang dalam suasana yang sama (Zawiyah Baba, 2010). Oleh itu, terdapat beberapa motif yang berada pada sulaman kelingkan juga terdapat pada seni ukiran kayu.



Rajah 4.1: Motif awan larat
(Puteri Shireen et al, 2019)



Rajah 4.2: Motif awan larat pada ukiran kayu
(Zarir Abdullah)



Rajah 4.3: Motif awan larat pada bordir selayah Kelingan
(Norhayati Ab.Rahman & Suhana Sarkawi ,2016)




Rajah 4.4: motif bunga teratai pada ukiran kayu
(Desa Ukiran Kayu)



Rajah 4.5: motif bunga teratai pada selendang (selayah)
(Norhayati Ab. Rahman & Suhana Sarkawi,2016)


Terdapat juga motif-motif bunga yang unik yang digunakan pada ukiran kayu dan dijadikan sebagai rujukan bagi sulaman kelingkan mengikut kesesuaian. Bunga-bunga ini akan diteliti oleh penyulam dan diolah supaya kelihatan lebih kemas dan menarik.



Rajah 4.6: Motif Asam Tampuk
(Nik Marhamah Nik Megat)




Rajah 4.7: Motif Bunga Anggerik
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.8: Motif Petola Mahkota
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.9: Motif Susun Tunggal
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.10: Motif Kuntum Bertaut
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.11: Motif Sehayat Jingga
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.12: Motif Mutiara Pipit
(Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.13: Motif Bunga Letup
(Nik Marhamah Nik Megat)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.2 Motif Flora


Pemilihan motif daripada flora adalah berdasarkan familiariti. Hal ini dikatakan demikian kerana bunga-bunga tersebut diperolehi di sekitar halaman rumah dan di kawasan kampung halaman penyulam. Justeru itu, keunikan motif tersebut diperolehi daripada tanaman di persekitaran penyulam dan bukannya di kawasan hutan rimba. Sehubungan itu motif-motif ini adalah motif yang senang didapati serta tidng asing lagi bagi penyulam dan tukang melayu. Antaranya ialah motif bunga melur, motif bunga Kekwa, motif Sultur Kacang, motif bunga Ros, bunga Teratai, bunga Matahari, Tampuk Manggis, bunga Kangkung, Pucuk Rebung dan sebagainya. Motif bunga ini mempunyai nilai dalam masyarakat Melayu kerana keunikan,estetika dan perubatan. Motif tumbuh-tumbuhan ini diilhamkan di dalam penghasilan motif tekstil kerana mempunyai nilai perubatan yang bukan sahaja memberi impak fizikal malahan motif ini memberi impak kepada emosi.

Menurut Puan Rosnawati, beliau menyatakan bahawa motif yang diperolehi daripada Alam Melayu mempunyai mesej dan penceritaan yang ingin disampaikan oleh penyulam kepada keluarga dan masyarakat. Oleh itu, setiap motif mempunyai makna yang tersirat yang ingin disampaikan. Bagi motif bunga Teratai bagi masyarakat Melayu merupakan simbolik kepada kepada sifat kasih sayang sesama manusia. Justeru itu, motif bunga Teratai ini dianggap sebagai motif yang tidak asing lagi dan dianggap sebagai motif yang memberi impak kepada sesetengah budaya dan agama.

Seterusnya, terdapat juga motif flora lain yang memberi maksud yang mendalam seperti motif bunga Tanjung. Motif bunga Tanjung ini melambangkan keramahan dan ucapan selamat datang bagi masyarakat Melayu (Rahmah Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu terkenal dengan sifat keterbukaan dan berpandangan jauh. Oleh itu, motif tersebut diletakkan sebagai simbol kepada keindahan budi pekerti masyarakat Melayu.



Rajah 4.14: Bunga Tanjung
(website rasmi Taman Herba Gopeng)



Rajah 4.15: Bunga Tanjung pada kelingan
Kelingkan
(Suhana Sarkawi dan Norhayati Abd Rahman)

Selain itu, motif Pucuk Rebung turut memberi kesan mendalam dalam masyarakat Melayu dan selalu digunakan sebagai simbolik kepada sifat. Oleh itu, motif ini memberi maksud sebagai kekuatan dan ketabahan serta merendah diri.



Rajah 4.16: Gambar motif flora pada pakaian
(Muzium Tekstil, Kuala Lumpur)



Rajah 4.17: Gambar motif flora pada selendang
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.18: Gambar motif flora pada tampok bantal
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.3 Motif fauna

Sesetengah sulaman kelingkan menggunakan motif fauna sebagai salah satu sumber kreatif penyulam seperti kerang-kerangan. Motif ini digunakn bagi sesetengah tempat dan kawasan. Hal ini dikatakan demikian kerana para penyulam yang berada di persisiran pantai dan tebing sungai lebih cenderung untuk menghasilkan motif berasaskan kerang-kerangan. Hal ini kerana sumber ini mudah untuk didapati dan merupakan sumber rezeki bagi mereka (Suhana Sarkawi & Norhayati Ab. Rahman,2016).



Rajah 4.19: Gambar motif renda joneh kulit kerang.
(Suhana Sarkawi & Norhayati Abd Rahman,2016)

KELANTAN

4.2.4 Motif Kemasan Sisi (Bordir) (geometrik)

Kebanyakan motif kemasan sisi selendang atau selayah tidak berubah dan motif kemasan sisi tetap menggunakan motif pucuk rebung atau gunung beranak. Selain itu, penyulam menggunakan motif yang sinonim dengan masyarakat dengan membawa makna yang tersirat seperti kekeluargaan, kesederhanaan dan keperibadian. Justeru itu, penerapan motif kemasan sisi (bordir) ini lebih berunsurkan keislaman dan keperibadian. Oleh itu, terhasilnya motif-motif flora yang diolah menjadi abstrak seperti motif Pucuk Rebung, motif Pucuk Rebung Cabang 3 dan motif Gunung Beranak. Selain itu, motif gunung ini juga dikatakan sebagai salah satu motif geometrik kerana motif yang diolah yang mempunyai sudut-sudut tertentu (Dr,Arbaiyah, 2015).



Rajah 4.20: Gambar motif Pucuk Rebung.
(Koleksi Perpustakaan UMK ,Koleksi Shah Reza)



Rajah 4.21: Gambar motif Gunung Beranak.
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2.5 Motif lambang negeri

Terdapat beberapa motif yang disulam oleh penyulam menggunakan motif dari lambang kebesaran negeri seperti motif 'Changai Putri'. Motif ini adalah salah satu lambang kebesaran negeri sembilan yang berbentuk pedang dan mempunyai sarung seperti 'Changai Putri'.



Rajah 4.22: lambang kebesaran Negeri Sembilan.
(website rasmi Negeri Sembilan.)



Rajah 4.23: Menunjukkan motif 'Changai Putri' pada Kelingkan.

Norhayati Ab. Rahman & Suhana Sarkawi, 2016)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 JENIS TEKNIK

4.3.1 Teknik Tekatan

Mempulur akan diletakkan di atas kain, kemudian akan ditindih dan diikat jahit oleh benang putih. Ikatan benang hendaklah ketat dan kukuh supaya dapat menjahit dan menindih serta mengikat benang logam dari sebelah tepi empulur. Proses ini diulang sehingga menutupi seluruh empulur. Teknik ini digunakan bagi sesetengah alatan yang menggunakan sulaman kelingkan. Hal ini kerana sulaman hanya ingin ditonjolkan sebelah bahagian sahaja. Oleh itu, teknik ini dapat menjimatkan penggunaan benang logam tersebut.



Rajah 4,24: menunjukkan kipas pengantin yang menggunakan teknik tekatan.
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.25: menunjukkan tampok bantal yang menggunakan teknik tekatan.
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)

4.3.2 Teknik Tikam Timbus.

Teknik ini digunakan bagi penggunaan fabrik yang lebih lembut seperti sutera. Oleh itu, teknik ini akan mendapatkan motif bagi kedua-dua bahagian. Selain itu, teknik ini akan mendapatkan perbezaan bahagian hadapan dan belakang apabila mempunyai motif tali air.



Rajah 4.27: fabrik sutera yang menggunakan teknik tikam timbus yang mempunyai motif tali air
(koleksi Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.27: fabrik sutera yang menggunakan teknik Tikam Timbus tanpa motif Tali Air (koleksi Nik Marhamah Nik Megat)

4.3.3 Teknik kira,sulam, ulang, semat (KSUS).

Teknik ini digunakan bagi kain berjenis jaring (netting).



Rajah 4.28: Gambar fabrik jaring (netting).
(Suhana Sarkawi & Norhayati Abd Rahman,
2016)

KELANTAN

4.3.4 Kira, Tebuk, Sulam Dan Ulang (KTSU).

Teknik kebiasaan digunakan pada motif ganda lapan dan motif-motif di Sarawak. Teknik lebih sesuai digunakan kepada fabrik yang lebih tahan lasak seperti fabrik kapas (cotton). Kiraan benang akan dibuat pada motif dan ditarik kemas mengikut motif yang diingini.



Rajah 4.29: Gambar motif Ganda Lapan
(Suhana Sarkawi & Norhayati Abd Rahman,
2016)

4.4.4 Tikam, Tarik, Ulang dan Selit (TTUS).



Rajah 4.30: fabrik yang menggunakan teknik (TTUS)
(Suhana Sarkawi & Norhayati Abd Rahman, 2016)

4.4 JENIS MOTIF DAN TEKNIK MENGIKUT NEGERI



Rajah 4.31: menunjukkan taburan sulaman kelingkan di semenanjung Malaysia, Borneo dan kepulauan Indonesia. (Suhana Sarkawi & Norhayati Abd Rahman, 2016)

4.4.1 Negeri Kelantan

Motif yang digunakan bagi negeri Kelantan adalah motif-motif berasaskan bunga-bunga pada alam Melayu seperti bunga Melur, bunga Ros, bunga Kekwa, bunga Teratai, Sulur Kacang dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga motif yang bersaskan ukiran kayu seperti ukiran Awan Larat, ukiran bunga Sehayat Jingga, Pucuk Rebung. Oleh itu, motif sulaman bagi negeri Kelantan adalah motif-motif kebiasaan yang digunakan oleh penyulam dan diubah mengikut kreativiti dan mesej tersirat yang ingin disampaikan.



Rajah 4.32: Penggunaan motif flora pada fabrik

Seterusnya, teknik yang digunakan bagi sulaman kelingkan bagi negeri Kelantan adalah teknik Tikam Tembus dan teknik Tekatan. Tujuan penggunaan teknik Tikam Tembus bagi negeri Kelantan adalah fabrik yang digunakan bagi negeri kelantan adalah fabrik-fabrik yang ringan dan lembut seperti sutera. Oleh itu, jika penggunaan teknik yang salah akan menyebabkan fabrik terkoyak dan rosak. Selain itu, teknik ini juga digunakan bagi produk selendang ataupun selayah kerana motif ingin dilihat bagi kedua-dua bahagian. Seterusnya, teknik yang turut digunakan bagi negeri Kelantan adalah teknik Tekatan. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik ini digunakan bagi produk-produk yang hanya ingin dilihat pada satu bahagian sahaja seperti tampok bantal dan kipas pengantin. Hal ini kerana bagi menjimat penggunaan benang kelingkan yang mahal dan susah untuk didapati. Oleh itu, teknik tekatan digunakan bagi sesetengah produk.



Rajah 4.33: Gambar Teknik tekatan pada tampok bantal (koleksi Nik Marhamah Nik Megat)



Rajah 4.34: Gambar penggunaan teknik Tekatan pada kipas pengantin (koleksi Nik Marhamah Nik Megat)

4.4.2 Negeri Sarawak


Motif bagi negeri Sarawak turut menggunakan motif berasakan bunga-bunga di alam Melayu. Selain itu, bagi negeri Sarawak kebanyakan menggunakan material jenis kapas. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik yang digunakan oleh negeri Sarawak adalah Kira, Tebuk, Ulang dan Sulam (KTSU). Justeru itu, teknik ini memerlukan penyulam untuk menaik kemas ikatan benang pada fabrik. Oleh itu, material kapas lebih sesuai berbanding sutera (Nik Marhamah, 2022).

4.5 JENIS KEROSAKAN

Kebiasaanya fabrik yang mempunyai kelingkan ini mengalami beberapa kerosakan sama ada dari segi fabrik mahupun benang kelingkan itu tersendiri. Hal ini kerana Kelingkan tidak dijaga dengan sebetulnya. Justeru itu, penjagaan terhadap Kelingkan haruslah teliti.

4.5.1 Kepingan logam Kelingkan dan fabrik bertukar warna.

Kepingan logam yang terdedah kepada udara dalam jangka masa yang lama akan mengalami perubahan warna. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakbalas kimia terhadap bahan logam yang berlaku dengan pantas. Oleh itu, ia menyebabkan benang kelingkan bertukar warna ke warna yang lebih gelap. Menurut Nirmala Sharipuddin, et al (2019) menyatakan bahawa kelembapan yang tinggi dalam udara akan memberikan kesan atau kerosakan kepada tekstil seperti pertumbuhan kulat dan perubahan warna pada besi dan tembaga. Selain itu, kaedah penyimpanan yang salah seperti pakaian yang mempunyai Kelingkan diletakkan secara langsung bersama bahan yang bersaskan kayu juga menyebabkan kelingkan bertukar warna. Menurut Schult (1992) menyatakan bahawa kemerosotan terhadap tekstil disebabkan keasidan yang berlaku daripada kayu kepada tekstil apabila disimpan secara langsung dengan material kayu. Justeru itu, pemilihan material sangat memainkan peranan penting.



Rajah 4.35: Gambar kerosakan yang berlaku pada pakaian (koleksi Dato Shah Reza, UMK)

4.5.2 Kesan Lipatan Pada Fabrik Dan Kelingkan.

Pengendalian dan penjagaan yang salah menyebabkan kerosakan bukan sahaja pada kelingkan malahan terhadap kelingkan juga. Oleh itu, kelingkan dan fabrik yang dilipat akan menyebabkan fabrik yang dilipat meninggalkan kesan terhadap lipatan serta menyebabkan benang kelingkan patah dan rosak.



Rajah 4.36 Menunjukkan kerosakan yang berlaku pada pakaian (koleksi Dato Shah Reza, UMK)

4.5.3 Fabrik Mudah Koyak

Fabrik yang nipis dan benang Kelingkan yang tajam adaah salah satu faktor fabrik Kelingkan mudah terkoyak. Menurut Boersma (2007) menyatakan bahawa cabaran bagi penjagaan tekstil adalah dari segi pembuatan, hiasan dan kepelbagaian dalam bahan. Selain itu tekanan sewaktu pembuatan Kelingkan juga menjadi salah satu faktor fabrik mudah terkoyak. Hal ini dikatkan demikian kerana kain ditarik dengan sangat tegang sewaktu proses pembuatan.



Rajah 4.37: Gambar fabrik terkoyak
(Nirmala Sharipuddin et al, (2016)

MALAYSIA

KELANTAN

4.6 KAEDAH PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN.

Menurut Nik Marhamah Nik Megat bahawa penjagaan Kelingkan bermula daripada proses pembuatan. Hal ini dikatakan demikian kerana sewaktu proses pembuatan, tangan haruslah berada dalam keadaan bersih dan tidak berpeluh supaya kelingkan tidak berubah warna. Selain itu, proses sulaman kelingkan haruslah mengambil masa maksimum selama 5 jam bagi mengelakkan kelingkan terdedah pada udara dalam jangka masa yang lama.

Selain itu, pakaian yang mempunyai kelingkan tidak boleh dibasuh atau terkena air. Oleh itu, selepas menggunakan pakaian yang mempunyai kelingkan, pakaian tersebut harus dijemur sekejap di bawah matahari dan dibalut bersama-sama *Acid Free Paper*. Seterusnya, pakaian yang mempunyai kelingkan tidak boleh dilipat tetapi digulung bersama-sama dengan *Acid Free Paper*. Hal ini bagi mengelakkan Kelingkan patah dan rosak serta meninggalkan kesan pada fabrik.



Rajah 4.38: kaedah penyimpanan kelingkan



Rajah 4.39: Gambar *Acid Free Paper* yang digunakan

4.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, sulaman kelingkan mempunyai pelbagai motif yang bersumberkan alam dan beberapa teknik. Selain itu, motif pada kelingkan ini juga mempunyai pelbagai maksud tersirat. Hal ini dikatakan demikian kerana motif dan teknik mempunyai falsafahnya tersendiri yang ingin diterapkan oleh penyulam kepada keluarga dan masyarakat. Selain itu, dalam bab ini terdapat juga kaedah penjagaan terhadap Kelingkan. Hal ini dikatakan demikian kerana Kelingkan mudah untuk rosak kerana penjagaan yang tidak betul.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 PENGENALAN

Dalam bab ini akan menerangkan rumusan keseluruhan berkenaan kajian ini dan memberikan cadangan lanjutan berkenaan dengan kajian mengenai sulaman Kelingkan ini.

5.1 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji telah menjawab kesemua persoalan, objektif kajian serta menemukan penyelesaian bagi permasalahan kajian berkenaan dengan kajian sulaman kelingkan ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa motif yang terdapat pada kelingkan mempunyai beberapa pola iaitu motif flora, motif fauna, motif ukiran kayu, motif kemas sisi dan motif lambang negeri. Selain itu, motif-motif ini mempunyai falsafah dan maksud tersendiri yang ingin disampaikan oleh penyulam kepada keluarga dan masyarakat.

Seterusnya, sulaman ini turut mempunyai beberapa teknik yang bersesuaian bagi menghasilkan motif yang pelbagai. Sulaman Kelingkan turut dikatakan sebagai sulaman yang rumit dari segi penjagaan. Hal ini dikatakan demikian kerana sulaman ini mudah rosak jika kaedah penjagaan tidak tepat dan tidak bersesuaian.

Oleh itu, beberapa kaedah penjagaan dan penyimpanan yang tepat haruslah dilakukan supaya Kelingkan lebih tahan lama dan tidak mudah rosak.

5.2 CADANGAN.

Dalam pencarian maklumat, pengkaji mendapati bahawa isu dalam memelihara warisan seni sulaman kelingkan ini adalah isu yang besar. Seterusnya, isu mengenai sulaman kelingkan bukan sahaja mengenai kurangnya pengeluaran berkenaan sulaman kelingkan di pasaran dan kurangnya tenaga mahir tetapi mengenai kurangnya kajian dan maklumat mengenai kelingkan sama ada secara

langsung ataupun secara tidak langsung. Hal ini dikatakan demikian kerana sewaktu kajian dilakukan di Muzium Tekstil, Kuala Lumpur mendapati bahawa maklumat yang terdapat pada Muzium Tekstil juga adalah terhad. Justeru itu, kajian yang lebih mendalam mengenai sulaman kelingkan haruslah dilakukan.

Selain itu, kajian lebih terperinci haruslah dilakukan berkenaan kaedah pemakaian Kelingkan. Hal ini dikatakan demikian kerana Kelingkan adalah salah satu sulaman yang mudah rosak dan harus dijaga dengan lebih teliti. Oleh itu, kajian berkenaan kaedah pemakaian dan persekitaran yang sesuai bagi sulaman Kelingkan haruslah dilakukan dengan lebih mendalam.

RUJUKAN

Nirmala Sharipuddin (2019), Classifying The Condition And Type Of Degradation Of Kelingkan Shawls., Journal Of Architecture Planning and construction management , 9(2), 44-55.

Norhasliayana HASlin Zainal Amri et.al (2019), Reinveting Tradition Through Kelingkan Embroidery Handicraft In Malaysia, International Journal Of Mechanical Angineering And Technology, 10(9), 128-133.

Suhana Binti Sarkawi & Norhayati Bin Abdul Rahman (2016), Jejak Sulaman KelingkanDi Malaysia Dan Indonesia, Jurnal Pengajian Melayu, 27, 1-25.

Norhayati Abd. Rahman (2021). Peranan Dan Sumbangan Nik Rahimah NIK Idris Dalam Bidang Sulaman Kelingkan, Jurnal Pengajian Melayu, 32(1), 69-88.

Dayang Sandarawati Abang Josmani et.al (2012), Selayah Keringkam, The traditional Embroidery Of The Sarawak Malays, 554-562.

Norhasliyana Haslin Zainal Amri (2018), The Art Of Kelingkan Embroidery as a Catalyst For the Development At the creative Industry, 9, 25-80.

Maizira Abdul Majid & Norhayati Ab. Rahman (2022), Motif Flora Dan Fauna Dalam Sulaman Kelingkan Kelantan Berdasarkan Pendekatan Estetika Seni Melayu, Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 15, 118-136

Amirul Redzuan et.al. (2019), Motif And Design Pattern Of Keringkam Embroidery For The Sarawak Malays, International Journal Of Technical Vocational and Engineering Technology ,1(1), 16-24.

Adyatul Binti Julkree et.al (2021), The Documentation Of Selayah keringkam Embroidery Process In Sarawak, International Journal Of applied And Creative Arts,4(1), 68-79.

Norhasliyana Haslin Zainal Amri (2016), Sulaman Kemasan Sisi Beridentiti Melayu
Tempatan, 3rd ISME International Colloquium.85-96

Nirmala Sharipuddin (2018) An Identification Of Deteriorition On Kelingkan Embroidery
From The Collection Of Department Of Museum, 178-195.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN